

# KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN CAWANGAN KEDAH **GURU KEDAH**

Wisma KPPK Kedah, Blok B, No. 161 & 162, Tingkat 1 & 2, Susuran Sultan Abdul Hamid 8, Kompleks Perniagaan Sultan Abdul Hamid Fasa 2, Persiaran Sultan Abdul Hamid, 05050 Alor Setar, Kedah. Tel: 04-771 4001, 04-771 5001, 04-441 4119(SP) Fax: 04-771 8001, 04-441 5118(SP)

nutpkedah@gmail.com Website: www.nutpkedah.net

## NATIONAL UNION OF THE TEACHING PROFESSION KEDAH BRANCH



### UCAPAN PENGERUSI KPPK CAWANGAN KEDAH

Assalamualaikum w.b.t , salam 1Malaysia dan salam sejahtera kepada ahli-ahli KPPK Cawangan Kedah.

PBS oh PBS, guru oh guru, Transformasi Pendidikan, GST dan pelbagai e-global. Bukan keluhan, bukan rintihan. Semua hal dan semua info perlu diambil tahu oleh cikgu-cikgu. Ungkapan tradisi, guru adalah pembentuk dan asas kepada pembina budaya sosial dalam kalangan pelajar. Seharusnya guru dikira perlu mengambil tahu dalam semua hal.

Dasar KPM untuk mentransformasi pendidikan dalam PPPM 2013-2025, setiap guru difahami dan dibentuk untuk memahami pelan tindakan KPM. Mereka ada pelbagai pendapat dan idea. Ada yang boleh menerima cadangan dan ada yang memberi pandangan penambahbaikan, namun KPPK berharap cikgu-cikgu berusahalah untuk membina modal insan seikhlasnya bagi memastikan **kemenjadian dan keberhasilan** murid adalah yang terbaik untuk kita dan negara amnya.

Walaupun PBS bermula pada tahun 2012, dilaksanakan peringkat sekolah rendah Tahun 1, dan sekolah menengah Tingkatan 1, tanpa program rintis hingga menimbulkan pelbagai polemik dan keresahan cikgu-cikgu yang dianggap terlalu membebankan pelaksanaan kepada guru. Setiap masalah ditimbulkan dan dikemukakan oleh ahli kepada kesatuan pasti diajukan kepada KPM untuk tindakan penambahbaikan serta dapat diatasi bebanan tugas guru yang terlalu berat. Terima kasih cikgu.

KPPK juga berharap kepada cikgu-cikgu, setiap keikhlasan akan 'diper mudahkan' dan menjadi pemangkin kepada mudahnya murid belajar dan tiada tekanan bagi murid secara amnya. InsyaAllah, mudah-mudahan semua guru dan murid mendapat kebaikan dan keberkatan memberi dan menerima setiap ilmu pengetahuan.

Salam 1Malaysia,  
Kebajikan Guru Diutamakan.

'Bersatu Kita Berjaya'

Yang Ikhlas,

(**DR. MOHD. FADZIL B. MD. ISA, PCK.**)  
Pengerusi KPPK Cawangan Kedah.



### DARI MEJA SETIAUSAHA KEHORMAT NUTP Cawangan Kedah

Salam Sejahtera dan Salam 1NUTP.

Tahun 2014 merupakan tahun yang penting buat para pendidik di negara ini. Beberapa isu dan dasar penting yang berlaku pada awal tahun ini pasti akan tinggalkan kesan yang mendalam kepada setiap orang guru. NUTP Cawangan Kedah tidak tertinggal dalam arus transformasi ini.

### Penggabungan Skim Perkhidmatan PPPS Dan PPPLD (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 40 Tahun 2013)

Pekeliling di atas boleh menjawab banyak pertanyaan yang dikemukakan oleh guru terutamanya mengenai DG41, DG42 dan yang memiliki Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Untuk makluman, Gred DGA diubah nama ke Gred DG. Justeru, kumpulan guru yang tamat PJJ/OUM yang belum dilantik oleh SPP boleh menunggu iklan untuk memohon ke Gred DG42. Gred DG41 dan DG42 adalah sama, cuma guru baharu yang keluar dari IPGM atau Universiti (sepenuh masa) yang memperoleh Ijazah akan dianggap sebagai lantikan baharu dan ditawarkan ke Gred DG41. **Jadual Gaji Minimum-Maximum Bagi Perkhidmatan Pendidikan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional serta Kadar KGT (mulai 1 November 2013) masih sama dan diguna pakai.**

### Isu PBS dan Penambahbaikan PBS Baharu 2014

Mengenai isu di atas, NUTP telah membuat bantahan melalui perhimpunan raksasa yang dihadiri seramai 4000 orang guru pada 3 November 2012 di Dewan CIDB, KL dan memorandum diserah terus kepada YAB TPM. Berikut bantahan yang hebat, YAB TPM telah berjanji akan kaji semula program ini dan bertindak segera sekiranya terdapat bukti guru dibebangkan. Berikut itu beberapa siri mesyuarat telah berlaku di antara NUTP dengan KPM dan Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk menambahbaikan sistem PBS. Tindakan NUTP iaitu penyelesaian masalah melalui permuafakatan dan rundingan untuk mencapai situasi 'win

-win' akhirnya berhasil. Pada 18 Mac 2014, dalam satu sidang media yang turut dihadiri "penggiat utama sistem pendidikan negara" seperti Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) di bangunan Parlimen, YAB TPM mengumumkan Penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Baharu 2014. Pihak NUTP berasa bangga dengan gelaran tersebut oleh sebuah agensi berita terkemuka (BERNAMA). Jelas terbukti, NUTP merupakan sebuah kesatuan yang disegani bukan sahaja oleh pegawai dan pemimpin kerajaan bahkan oleh media siaran. Bagaimanapun NUTP akan terus mengawasi pelaksanaan Penambahbaikan PBS Baharu tersebut, walaupun sistem on-line PBS telah dihapuskan.

### **Perpaduan & Kesihatan Melalui Aktiviti, Program Iktisas, Kerja Amal dan Sukan**

NUTP Kedah telah merancangkan serta menjalankan program ikhtisas dan sosial seperti lawatan ke luar negara, ceramah dan sukan untuk ahli NUTP dan kesatuan gabungan seperti CUEPACS. Semua ini bertujuan melegakan tekanan dan 'stress' serta menjalin perpaduan dan hubungan akrab di kalangan guru dan penjawat awam. Antara aktiviti yang telah diadakan termasuk bengkel, seminar, road shows, **Larian Sihat Hari Pekerja** di Gunung Jerai, Pertandingan Bowling di Sg Petani dan Alor Setar, **Kempen Derma Darah** di Sg Petani Anjuran Bersama CUEPACS Bahagian Negeri, JPN Kedah & Unit Tabung Darah Hospital Sultan Abdul Halim SP, **Kunjungan ke Hospital Sultanah Bahiyah** di Alor Setar dan **Sambutan Hari Pekerja 2014** di Jitra. Sememangnya NUTP berpegang kepada hakikat bahawa keadaan fizikal dan intelek seseorang guru perlu berada dalam tahap optimum dalam usaha membekalkan ilmu dan pengajaran yang berkesan melalui PdP yang kreatif dan inovatif selaras dengan **Tema Hari Guru Tahun 2014** iaitu **Guru: Pencetus Kreativiti, Penjana Inovasi.**

### **HARIINI DALAM SEJARAH**

Tahun ini, negeri Kedah, diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi meraikan **Hari Pekerja 2014 pada 1 Mei 2014**. Justeru, buat kali pertama dalam 57 tahun, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, CUEPACS dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah bergabung tenaga untuk


menjayakan hari tersebut. Hubungan erat NUTP dan CUEPACS setelah sekian lama telah menjayakan Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2014 yang dihadiri lebih 4000 orang, dan buat julung kalinya dirasmikan oleh **YAB Perdana Menteri Malaysia di Dewan Wawasan, Jitra**. Sememangnya, hari tersebut merupakan satu **hari bersejarah** bagi kita semua.

### **Mesyuarat Agung Tritahunan KPPK Cawangan Kedah Kali Ke-20 pada 30 Mei 2014**

Di ruang ini juga, saya, bagi pihak NUTP Cawangan Kedah ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Saudara Presiden, Saudara Timbalan Presiden, Saudara SUA, semua pemimpin-pemimpin Cawangan KPPK, Mantan pemimpin-pemimpin NUTP Cawangan Kedah, Pengarah Kesatuan Sekerja Cawangan Utara serta semua hadirin yang menjayakan Mesyuarat Agung Tritahunan KPPK Cawangan Kedah Kali Ke-20 yang berlangsung di SMK Hutan Kampong, Alor Setar. Tahniah diucapkan kepada AJK Jawatankuasa NUTP Cawangan Kedah yang Menang Tanpa Bertanding. Tidak ketinggalan juga, ucapan ribuan terima kasih kepada semua ahli NUTP yang memberi kepercayaan penuh kepada barisan pemimpin sekarang. Bersatu Kita Teguh!

### **'Bersatu Kita Berjaya'**

Yang ikhlas,



(SDR. WANG HENG SUAN, AMK., BKM)  
Setiausaha Kehormat NUTP Cawangan Kedah

 <b>TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA</b> <i>DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA</i> <b>SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN</b> <i>EDUCATIONAL OPERATIONAL SECTOR</i> <b>Kementerian Pendidikan Malaysia</b> <i>Ministry of Education Malaysia</i> Arau 3 & 4, Blok E2, Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62604 PUTRAJAYA <b>MALAYSIA</b>	 Tel: +603-88849302 Faks: +603-88886890 Laman Web: <a href="http://www.moe.gov.my">www.moe.gov.my</a>
KP (BPSH-PKICT) 103/02/39/Jld. 2 (F) 3 Mac 2014	
<p style="text-align: center;">Semua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri</p> <p style="text-align: center;">YBhg. Datuk/Tuan/Puan,</p> <p style="text-align: center;"><b>SOAL JAWAB LAZIM AMALAN MELINDUNG MASA INSTRUKSIONAL (MMI)</b></p> <p style="text-align: center;">Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.</p> <p style="text-align: center;">2. Plihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha meningkatkan pemahaman berkaitan amalan Melindungi Masa Instruksional (MMI) di semua peringkat, iaitu sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan komuniti. Bersama-sama dengan surat ini disertakan Buku Soal Jawab Lazim berkaitan amalan MMI sebagai panduan dan pedoman.</p> <p style="text-align: center;">3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Tuan/Puan dipohong untuk menyebarkan Buku Soal Jawab Lazim Amalan MMI ini ke semua PPD dan sekolah bawah kawalan dan tanggungjawab JPN.</p> <p style="text-align: center;">4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan/Puan, segala maklumat lanjut berkaitan perkara ini bolehlah menghubungi Dr. Jafri bin Abu di talian 03-88849333 atau e-mel <a href="mailto:jafri.abu.moe@fgovc.gov.my">jafri.abu.moe@fgovc.gov.my</a> dan Enik Ahmad Faris bin Johan di talian 03-88849443 atau e-mel <a href="mailto:faris.johan.moe@fgovc.gov.my">faris.johan.moe@fgovc.gov.my</a>.</p> <p style="text-align: center;">Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/Tuan/Puan amat dihargai.</p> <p style="text-align: center;">Sekian, terima kasih.</p> <p style="text-align: center;">"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"</p> <p style="text-align: center;">Saya yang menurut perintah,</p> <p style="text-align: center;">   <b>(DATO' HAJI SUFA'AZ BIN TUMIN)</b>          Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran          Sektor Operasi Pendidikan          Kementerian Pendidikan Malaysia       </p>	

# Melindungi Masa Instruksional (MMI)

## Kembali Kepada Yang Asas: Pemimpin Instruksional, Guru Mengajar dan Murid Belajar

### PENDAHULUAN

Buku Panduan Soal Jawab Lazim (FAQ) adalah bertujuan untuk merungkai dan menjelaskan segala kekeliruan dan ketidakjelasan maklumat yang berkaitan dengan amalan Melindungi Masa Instruksional (MMI) kepada semua warga pendidikan di seluruh negara. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa cuba membantu dan memberi pemahaman agar segala amalan yang terkandung di dalam surat siaran, surat pekeliling ikhtisas, Akta Pendidikan 1996 dan pekeliling-pekeliling lain diketahui oleh guru-guru di sekolah. Soal jawab lazim yang dimasukkan ke dalam buku panduan ini akan cuba mengupas dan menjawab semua soalan-soalan yang sering dikemukakan oleh pihak sekolah dan guru sepanjang amalan MMI dilaksanakan mulai tahun 2012.

### SOALAN DAN JAWAPAN

#### 1. Apakah yang dimaksudkan dengan MMI?

MMI ialah singkatan kepada Melindungi Masa Instruksional (MMI) yang memberi penekanan semula kepada amalan sedia ada iaitu kembali kepada yang asas 'Guru Mengajar dan Murid Belajar'. Masa Instruksional ialah masa sebenar yang digunakan untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan aktiviti lain yang menyokong dalam membangunkan potensi murid dengan berkesan tanpa sebarang gangguan.

MMI tidak memungkarkan mana-mana elemen yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu melahirkan insan yang cemerlang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Seksyen 18 (2) - Akta 550 yang berkaitan dengan Kurikulum Kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua sekolah. Perincian boleh dirujuk menerusi Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 dan bagi kurikulum boleh merujuk kepada perkara 2 tentang tafsiran:

"kegiatan kurikulum" ertiannya apa-apa kegiatan yang dirancang lanjut daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah.

#### 2. Adakah MMI satu dasar baharu?

MMI bukan satu dasar baharu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). MMI adalah amalan warga pendidik sejak sistem pendidikan negara dibangunkan, iaitu penekanan terhadap konsep guru mengajar dan murid belajar. Oleh yang demikian, MMI diberikan penekanan semula oleh pihak KPM.

#### 3. Perlukah jawatankuasa ditubuhkan bagi menjayakan amalan MMI?

MMI tidak memerlukan penubuhan jawatankuasa baharu. Ia hanya perlu dibincangkan sebagai salah satu agenda dalam JK Kurikulum atau mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan.

#### 4. Pihak manakah yang berperanan dalam memastikan MMI diamalkan?

Semua pihak diperingkat Bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah memainkan peranan dalam memastikan MMI diamalkan. Dalam hal ini agensi luar, masyarakat dan ibubapa juga harus diberi penjelasan dalam membantu pelaksanaan MMI.

#### 5. Apakah faedah MMI kepada murid?

Murid akan mendapat masa pembelajaran yang maksimum dan berkualiti jika MMI diamalkan dengan berkesan di sekolah. Sekiranya murid tidak dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada waktu rasmi persekolahan maka ia wajib dilaksanakan pada masa dan kaedah lain yang sesuai.

#### 6. KPM amat menggalakkan kerjasama dengan pihak luar. Sekiranya agensi tersebut ingin melaksanakan program dan aktiviti pada waktu persekolahan, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak sekolah?

Pemimpin sekolah perlu mengadakan perbincangan dengan mana-mana agensi yang berhasrat mengadakan program dan aktiviti pada waktu persekolahan dan menjelaskan amalan MMI kepada pihak yang berkenaan. Pihak sekolah perlu menghubungi Unit Perhubungan dan Pendaftaran JPN bagi mendapatkan kebenaran untuk melaksanakan aktiviti berkenaan.

#### 7. Bolehkah guru-guru dibenarkan keluar untuk menyertai sebarang aktiviti dan program yang diadakan semasa waktu persekolahan?

Boleh dengan arahan bertulis dan kebenaran daripada pemimpin sekolah. Walaubagaimanapun guru yang berkenaan dan pihak pentadbir sekolah perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan waktu PdP yang terjejas itu ada guru ganti (relief) atau mengadakan aktiviti-aktiviti lain yang sesuai.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Surat Siaran Bil. 20 Tahun 2012: Pelaksanaan Perakuan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru bertarikh 27 Jun 2012 di Lampiran C; Perkara No.3 Agensi Luar KPM (Penglibatan Guru-guru Hendaklah Tidak Menjejaskan Pengurusan Sekolah serta Proses PdP)

#### 8. Saya merupakan ahli pasukan sukarelawan (cth. Ahli Bulan Sabit Merah Malaysia) yang aktif. Saya telah diarahkan untuk melakukan kerja sukarela membantu semasa negara ditimpa bencana. Bolehkah saya menyertai aktiviti tersebut?

Pemimpin sekolah perlu membuat pertimbangan yang sewajarnya berdasarkan arahan, keperluan, kepakaran dan prosedur yang telah ditetapkan.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 24 Tahun 1998: Penglibatan Guru dan Murid Dalam Aktiviti Pasukan Pakaian Seragam Anjuran Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan

#### 9. Sebagai Pengetua/Guru Besar, adakah saya berhak untuk tidak membenarkan guru-guru saya menyertai aktiviti/program luar jika menerima surat arahan KPM/JPN/PPD?

Ya, kebenaran ini tertakluk kepada budi bicara Pengetua/Guru Besar. Walaubagaimanapun, Pengetua/Guru Besar perlu memberikan kerjasama dan komitmen kepada KPM, JPN dan PPD dalam menjayakan segala program.

#### 10. Sekiranya saya tidak dapat melaksanakan PdP atas urusan rasmi, bolehkah saya menggantikan waktu tersebut di luar waktu persekolahan?

Boleh dengan kebenaran pentadbir sekolah.

#### 11. Saya telah diarah untuk menjalankan tugas rasmi, adakah perlu saya mengganti waktu yang telah tertinggal tersebut?

Tidak perlu kerana pihak sekolah akan menggantikan waktu-waktu tersebut dengan guru ganti (relief) berdasarkan cadangan-cadangan amalan terbaik PdP seperti yang dikemukakan dalam Buku Amalan Terbaik MMI keluaran tahun 2013. Namun, guru boleh membuat lelongan jadual waktu sebelum atau selepas melaksanakan tugas rasmi tersebut.

#### 12. Adakah pihak Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di sekolah terlibat dalam pelaksanaan MMI? Contohnya pembantu makmal.

Semua pihak perlu mempraktikkan amalan MMI di sekolah mengikut tugas dan tanggungjawab masing-masing.

#### 13. Adakah amalan MMI akan menghalang kemenjadian murid dalam bidang kokurikulum dan akademik?

Tidak, kerana kegiatan kokurikulum merupakan sebahagian daripada proses PdP. Hal ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada murid untuk menambah, mengukur dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran serta nilai yang dipelajari di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, kegiatan kokurikulum hendaklah dirancang dengan teratur dan teliti sepertimana perancangan untuk aktiviti-aktiviti kurikulum dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan berpandukan akta dan Surat Pekeliling Ikhtisas yang sedang berkuat kuasa.

#### 14. Pelaksanaan MMI menyebabkan sekolah tidak boleh mengadakan sebarang bentuk perayaan seperti Sambutan Hari Guru, Sambutan Hari Kanak-Kanak, Sambutan Hari Lahir dan Hari Kaintin.

Tidak benar. Sekolah masih boleh mengadakan program sambutan dan lain-lain yang difikirkan perlu secara terancang dan terkawal tanpa menjelaskan PdP.

# Melindungi Masa Instruksional (MMI)

## Kembali Kepada Yang Asas: Pemimpin Instruksional, Guru Mengajar dan Murid Belajar

### 15. Adakah perkhidmatan kaunseling pada masa persekolahan dianggap sebagai sebahagian daripada proses PdP?

Ya, kerana murid boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling secara individu atau kelompok pada bila-bila masa waktu persekolahan termasuk semasa waktu PdP.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Surat Siaran KPM Bil 12 Tahun 2012 bertarikh 16 April 2012: Perekayaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah.

### 16. Adakah tindakan disiplin boleh diambil terhadap murid-murid semasa sesi PdP?

Pengetua/Guru Besar boleh menggunakan budi bicara mengikut tahap keseriusan kes salah laku kerana tindakan disiplin juga merupakan salah satu proses untuk mendidik.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 2 Tahun 1981: Ketetapan Masa Di Sekolah-Sekolah bertarikh 12 September 1981 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4 tahun 1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin Dan Hukuman Di Sekolah bertarikh 3 September 1996.

### 17. Adakah latihan kebakaran yang dilaksanakan di waktu sesi persekolahan mengganggu MMI?

Tidak, kerana latihan kebakaran juga merupakan satu elemen pendidikan yang perlu dilaksanakan secara terancang sekurang-kurangnya sekali dalam sepenggal.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8 Tahun 1978: Kawad Kecemasan Kebakaran Di Sekolah bertarikh 23 Jun 1978, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12 Tahun 1989: Garis Panduan Dari Segi Pencegahan Kebakaran Bagi Bangunan Domitoria dan Asrama bertarikh 9 September 1989 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7 Tahun 2000: Mencegah Kebakaran Di Sekolah bertarikh 14 Mac 2000.

### 18. Adakah kehadiran ibu bapa yang ingin berjumpa dengan guru semasa PdP mengganggu MMI?

Kehadiran ibu bapa amatlah dialu-alukan ke sekolah untuk mengetahui perkembangan anak-anak mereka di luar waktu PdP.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 1981: Ketetapan Masa Di Sekolah-Sekolah bertarikh 12 September 1981.

### 19. Bagaimanakah sumbangan Guru Cemerlang (GC) dan Guru Kaunseling dalam memastikan keberkesanan MMI.

Pendekatan PdP yang berkesan yang dilaksanakan oleh GC perlu dikongsi dengan guru-guru lain bagi mengoptimumkan keberhasilan pembelajaran murid. Manakala sumbangan Guru Kaunseling adalah bagi memastikan kemenjadian murid. Walaubagaimanapun pelaksanaan PdP GC dan Guru Kaunseling tidak seharusnya diganggu.

### 20. Bolehkah saya melaksanakan aktiviti PdP di luar bilik darjah?

Boleh, selagi keberhasilan pembelajaran murid dicapai dan memaklumkan kepada pentadbir atau memohon kebenaran sekiranya melibatkan aktiviti di luar sekolah. Ini selari dengan mematuhi aspirasi murid mempunyai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 11 Tahun 2004: Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) sekiranya aktiviti dilakukan di luar bilik darjah bertarikh 31 Disember 2004.

### 21. Bolehkah sekolah menganjurkan program peningkatan akademik seperti Seminar/Teknik Menjawab Soalan pada waktu persekolahan?

Boleh, program yang dianjurkan hendaklah dirancang dengan cekap dan berkesan supaya pelaksanaannya menepati kehendak kumpulan sasar dan memastikan semua murid dan guru dapat melindungi masa instruksional yang sepatutnya.

### 22. Bolehkah sekolah ganti pada hari Sabtu melaksanakan aktiviti dan program selain daripada PdP? Contoh: Gotong-royong.

Pelaksanaan sekolah ganti (Sabtu) sepatutnya mengikut jadual hari persekolahan yang diganti.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 2012: Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sepenuhnya semasa hari ganti persekolahan pada hari Sabtu bertarikh 25 September 2012.

### 23. Bolehkah program kokurikulum/sukan diadakan pada waktu persekolahan sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan?

Boleh, dengan mengambilira beberapa perkara seperti memaksimumkan sumber tenaga serta meminimumkan jawatankuasa dan penglibatan guru. Pelaksanaan kegiatan kokurikulum adalah mengikut tahap dan hendaklah dijalankan di luar waktu PdP.

\* Rujukan boleh dilakukan menerusi Buku Panduan Penilaian Kokurikulum Tahun 2006

### 24. Pelaksanaan MMI boleh mengurangkan penglibatan guru dalam melaksanakan aktiviti sukan/kokurikulum di peringkat PPD/JPN/Kebangsaan.

Guru tidak dihalang untuk menyertai aktiviti sukan/kokurikulum di peringkat PPD/JPN/Kebangsaan. Namun mereka perlu memastikan PdP dalam kelas yang ditinggalkan dapat dilaksanakan sama ada secara modul, guru ganti atau lelongan jadual dan apa-apa pendekatan yang sesuai.

### 25. Adakah program lawatan sambil belajar perlu dibatalkan kerana menyalahi amalan MMI?

Tidak perlu. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5 Tahun 2002 bertarikh 1 Ogos 2002 (Lawatan Sekolah Pada Hari Persekolahan), pengelolaan lawatan sambil belajar merupakan salah satu kaedah PdP yang menyeronokkan (learning is fun). Kaedah ini berupaya memberi pendedahan secara realiti dan "hands on" terhadap sesuatu mata pelajaran yang diajar di dalam kelas.

### 26. Bolehkah latihan intensif aktiviti sukan/kokurikulum dilaksanakan pada waktu pagi/PdP?

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum adalah mengikut tahap dan hendaklah dijalankan di luar waktu PdP.

Bagi sekolah rendah dan menengah, peruntukan masa kokurikulum adalah seperti yang berikut:

- i. Tahun 3 & 4: 60 minit seminggu
- ii. Tahap 5 & 6: 120 minit seminggu
- iii. Kelas Peralihan, Tingkatan 1,2,3 & 6: 180 minit seminggu
- iv. Tingkatan 4 & 5: 100 hingga 180 minit seminggu mengikut aliran.

### 27. Adakah MMI menyumbang kepada kemerosotan penyertaan aktiviti kokurikulum disebabkan guru dan murid tidak dibenarkan keluar dan seterusnya menjelaskan penilaian 10% kokurikulum?

Pelaksanaan MMI tidak mengganggu penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum, malah ia lebih sistematik dan terancang serta memastikan hak murid dalam kurikulum dan kokurikulum dipatuhi.

## GLOSARI

Instruksional	- masa yang sebenarnya digunakan untuk aktiviti pembelajaran tanpa gangguan
---------------	---

**Road Show di Pusat Perkhidmatan NUTP Sg Petani,  
Daerah Kuala Muda/Yan (10.5.2014)**



**Larian Sihat Hari Pekerja 2014  
Peringkat Kebangsaan  
di Gunung Jerai,  
Gurun (26.4.2014)**




**Road Show di SMK Baling, Daerah Baling/ Sik (9.5.2014)**




**Mesyuarat Jawatankuasa Induk Hari Pekerja 2014 Peringkat Kebangsaan  
di Pejabat Wisma Darul Aman, Kedah. (21.4.2014)**




**Majlis Tahlil & Ceramah Perdana sempena Hari Pekerja 2014 Peringkat  
Kebangsaan di Masjid Andalusia, Bandar Laguna Merbok, Sg Petani. (24.4.2014)**



**Kempen Derma Darah sempena Hari Pekerja 2014 Peringkat Kebangsaan dan Hari Guru di Amanjaya Mall, Sg Petani. (12.4.2014)**



## Pertandingan Bowling Hari Pekerja 2014 Peringkat Kebangsaan di SKY BOWL dan KEDAH BOWL, Alor Setar (29.4.2014)




## Majlis Makan Malam Hari Pekerja 2014 Peringkat Kebangsaan di Dewan Seri Mentaloon, Kedah. (30.4.2014)



## Seminar Transformasi Perkhidmatan Awam Sempena Hari Pekerja 2014 Peringkat Kebangsaan di Anak Bukit, Alor Setar. (30.4.2014)



## Sambutan Hari Pekerja 2014 Peringkat Kebangsaan di Dewan Wawasan, Jitra (1.5.2014)



**Bengkel Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Hotel Vistana (17.5.2014)**



**Kunjung Hormat kepada Yg. Bhg. Datin Hajah Azuyah binti Hassan, SDK., AMK. Pengarah JPN Kedah yang baharu. (22.5.2014)**



**Lawatan ke Mount Mat Cincang, Pulau Langkawi. (7.6.2014)**



**Mesyuarat Agung Tritahunan KPPK Cawangan Kedah Ke-20 di Dewan SMK Hutan Kampong, Alor Setar (30 Mei 2014)**



**Seminar Pendidikan NUTP Cawangan Kedah di Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi. (5-7 Jun 2014)**



**Majlis Jasamu Dikenang Sdr. Ch'ng Kim San, BKM., di Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi. (6 Jun 2014)**



# PEGAWAI-PEGAWAI KPPK CAWANGAN KEDAH 2014 - 2017

Blok B, No. 161 & 162, Tingkat 1&2, Susuran Sultan Abdul Hamid 8, Kompleks Perniagaan Sultan Abdul Hamid Fasa 2,

Persiaran Sultan Abdul Hamid, 05050 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tel : 04-771 4001 / 771 5001 Faks : 04-771 8001 E-mel : nutpkedah@gmail.com Laman Web : <http://www.nutpkedah.net>

Pusat Perkhidmatan, No.25, Lengkok Cempaka 1, Bandar Aman Jaya, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

Tel : 04-441 4119 Faks : 04-441 5118

NAMA & JAWATAN	ALAMAT / TEL. NO.	ALAMAT SEKOLAH / TEL. NO.
Sdr. Mohd Fadzil Bin Md Isa, PCK Pengerusi	46, Taman Suria, Jalan Masjid, 06000 Jitra,Kedah. Tel: 04-917 0245 H/P: 019-558 9546 E-mel: dilnanie@yahoo.com	Sek. Men. Keb. Megat Dewa, Jalan Kodiang, 06100 Kodiang, Kedah. Tel: 04-917 1548 Faks: 04-925 7563
Sdr. Teh Kim Siong Naib Pengerusi	No.367, Jalan BPJ 3A/8, Bandar Puteri Jaya, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-423 5742 H/P: 012-437 8862 E-mel: tehks8@hotmail.com	SMK Aman Jaya, Sungai Lalang, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-458 1996 Faks: 04-458 4708
Sdr. Wang Heng Suan, AMK., BKM Setiausaha Kehormat	No.2, Lorong BLM 5/46, Bandar Laguna Merbok, 08000 Sungai Petani, Kedah. Faks: 04-441 5118 H/P: 019-456 0777 E-mel: nutpkedah@gmail.com	SMJK Sin Min, Jalan Pegawai, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-421 2623 Faks: 04-425 0805
Sdri. Ng Ai Cheing, PJK Timbalan Setiausaha	30-A, Kebun 500, Mukim Jabi, 06400 Pokok Sena, Kedah. H/P: 012-420 9155 E-mel: aicheing@yahoo.com	SMK Simpang Kuala, Jln. Alor Mengkudu, 05400 Alor Setar, Kedah. Tel: 04-734 4732 Faks: 04-735 4733
Sdri. Pang Bee Hong, PJK Bendahari Kehormat	No.8, Jln. Cemara 8, Taman Cemara, Jalan Kilang Tebu, 05050 Alor Setar, Kedah. H/P: 012-560 2983 E-mel: pang1799@yahoo.com	SMK Seberang Perak, Jalan Teratai Putih, Taman Berjaya, 05050 Alor Setar,Kedah. Tel: 04-777 1709 Faks: 04-771 1704
Sdri. Maznah Bt. Che Don Penolong Bendahari	Batu 4, Jalan Hutan Kampung, 05350 Alor Setar, Kedah. Tel: 04-733 6635 H/P: 013-437 5515 E-mel: rozie_nana07@yahoo.com	SMK Seri Gunung, KM10, Jalan Gunong Keriang, 06570 Alor Setar, Kedah. Tel: 04-720 9922 Faks: 04-770 9910
Sdr. Lim Tsu Pheng, PJK Ahli Jawatankuasa	58, Lorong BLM 4/6, Bandar Laguna Merbok, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-440 0928 H/P: 012-578 1923 E-mel: limtsupheng@gmail.com	Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Unit Pengurusan Sekolah Rendah, Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium, 05604 Alor Setar, Kedah. Tel: 04-740 4061 Faks: 04-740 4353
Sdr. Hj. Sadli Bin Abdullah Ahli Jawatankuasa	94, Taman Setia, 06700 Pendang, Kedah. Tel: 04-759 4537 H/P: 013-424 5797 E-mel: hjsadli@yahoo.com	SMK Syed Ibrahim, 06700 Pendang, Kedah. Tel: 04-759 6273 Faks: 04-759 5422
Sdr. Mohamad Nor Bin Md Daud Ahli Jawatankuasa	89, Taman Permai, 09200 Kupang, Baling, Kedah. H/P: 019-521 1561 E-mel: not8896@yahoo.com.my	Sek. Keb. Titi Gantong, 09100 Baling, Kedah. Tel/Faks: 04-470 8216
Sdr. Hj. Zamri Bin Abdul Majid Ahli Jawatankuasa	273, Jalan Sarina 5, Taman Tunku Sarina, 06000 Jitra, Kedah. H/P: 012-539 8475 E-mel: zamri.midah@gmail.com	SK Seri Banai, Kampung Kepala Batu, 06000 Jitra, Kedah. Tel/Faks: 04-916 1842
Sdr. Ganesan A/L Appavoo Ahli Jawatankuasa	No. 7, Lorong Wira 8, Taman Wira, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-424 8286 H/P: 016-442 8942 E-mel: ganapp@gmail.com	SJK(T) Mahajothi, Taman Sutera Jaya, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel/Faks: 04-423 0016
Sdr. Ng Chin Hong Ahli Jawatankuasa	381, Lorong Intan D/2, Taman Intan, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-424 2677 H/P: 019-458 3509 E-mel: jesseng@hotmail.com	SJK(C) Choong Hwa, 08300 Gurun,Kedah. Tel/Faks: 04-468 6266
Sdr. Tan Wooi Sean Ahli Jawatankuasa	No. 77, Lorong BLM 5/40, Bandar Laguna Merbok, 08000 Sungai Petani, Kedah. H/P: 017-411 9895 E-mel: gtosean@msn.com	SJK(C) Min Terk, Batu 2 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-421 2652 Faks: 04-4214272
Sdr. Ong Soo Wan Ahli Jawatankuasa	D3, Lorong Intan A/12, Taman Mewah, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-446 4298 H/P: 019-424 2350 E-mel: stevecatvb@gmail.com	SJK(C) Kuala Ketil, 09300 Kuala Ketil, Kedah. Tel/Faks: 04-416 3351
Sdr. Md Yusoff Bin Md Diah Ahli Jawatankuasa	No.611, Lorong Mesra 29, Taman Ria Mesra, 08300 Gurun, Kedah. Tel: 04-468 0473 H/P: 013-445 3992 E-mel: mymd1@yahoo.com	SMK Tunku Sulong, 08700 Jeniang, Kedah. Tel/Faks: 04-464 4236
Sdr. Tarmizi Bin Tajudin, PJK Ahli Jawatankuasa	615, Jalan Peruda 1/1 A, Taman Peruda Utama, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel : 013-4367113 E-mel: siptarmizi.ppdkmy@gmail.com	PPD Kuala Muda Yan, 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-421 2370 Faks: 04-423 5645
Sdr. Ng Ngai Leong Ahli Jawatankuasa	300, Lorong Seroja 7B, Taman Seroja 3, 09000 Kulim, Kedah. Tel : 013-518 9098 E-mel: ngaileong.ng@gmail.com	SJK(C) Kwang Hwa, 34950 Bandar Baharu, Kedah. Tel/Faks: 05-716 8160